



remaja bermaklumat

bijak bertindak


AIDS dielak



remaja bermaklumat bijak be
ndak AIDS dielak remaja bern
remaja bermaklumat bijak be
ndak AIDS dielak remaja bern
remaja bermaklumat bijak be
ndak AIDS dielak remaja bern
remaja bermaklumat bijak be
ndak AIDS dielak remaja bern
remaja bermaklumat bijak be
ndak AIDS dielak remaja bern
remaja bermaklumat bijak be
ndak AIDS dielak remaja bern

kenapa remaja perlu tahu tentang AIDS?

- AIDS adalah sejenis penyakit berjangkit yang disebabkan oleh sejenis virus iaitu HIV. Ia TIDAK boleh diubati TETAPI boleh DICEGAH.
- AIDS mampu memusnahkan kehidupan alam remaja.
- Remaja akan KEHILANGAN rakan sebaya serta keseronokan alam remaja.
- AIDS bukan sahaja mengancam nyawa anda tetapi juga nyawa rakan-rakan anda.
- AIDS mengakibatkan kesengsaraan dan kematian di usia muda.



anda **pasti**

tidak mahu kehilangan rakan-rakan
dan keseronokan alam remaja

Oleh itu...

- Hindarilah tingkahlaku berisiko tinggi seperti seks di luar perkahwinan dan
- Jangan terlibat dengan DADAH. Katakanlah TIDAK kepada tingkahlaku berisiko tinggi ini.



tingakahlaku berisiko tinggi yang mendedahkan remaja kepada AIDS

SEKS DI LUAR PERKAHWINAN

- Hubungan seks di luar perkahwinan khususnya dengan mereka yang tidak diketahui status kesihatan boleh mendedahkan remaja kepada jangkitan HIV.
- Perasaan untuk berpasangan merupakan sebahagian dari proses pembesaran remaja dan ianya adalah normal.
- Tetapi perasaan ini perlu dikendalikan dengan bijak supaya tidak menghancurkan masa depan remaja sendiri.
- Janganlah mendedahkan diri anda kepada bahan-bahan lucah, minuman yang memabukkan, berpelesenan, lepak, pil-pil khayal, mengunjungi tempat-tempat hiburan.



pengambilan dadah

Jangan terlibat dengan DADAH.
Perlakuan ini boleh menyebabkan
remaja dijangkiti HIV.

- Memang menjadi lumrah remaja ingin mencuba perkara-perkara baru dan mencari identiti diri. Janganlah terpengaruh dan terpedaya dengan perlawanan atau pujukan.
- Bertindaklah secara bijak dan tegas dalam membuat keputusan untuk tidak merokok dan tidak mengambil DADAH.



remaja perlu memperkasakan jatidiri bagi menghindari AIDS

- Amalkan nilai-nilai murni
 - Dekatilah diri anda dengan agama
 - Hormatilah orang tua
 - Bantulah rakan yang memerlukan bantuan
 - Laksanakan tanggungjawab sebagai remaja cemerlang
- Pilih rakan yang mempunyai akhlak yang baik.
Penuhi masa lapang dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah : Bersukan, berpersatuan, kebajikan.
- Berkongsi perasaan anda dengan ahli keluarga, guru dan rakan.
- Tingkatkan pengetahuan mengenai HIV/AIDS dan sebarkan kepada rakan untuk menafaat bersama.
- SAYANGI DIRI ANDA.



adakah anda seorang **remaja** yang melibatkan diri dengan tingkahlaku berisiko tinggi?

- Ketahuilah bahawa remaja yang terlibat dengan tingkahlaku berisiko tinggi berkemungkinan dijangkiti HIV tetapi masih boleh kelihatan sihat.
- Jika anda terlibat dengan tingkahlaku berisiko tinggi atau anda mempunyai sebarang keraguan, sila dapatkan khidmat kaunseling di klinik kesihatan atau hospital berhampiran.
- Segala maklumat semasa anda mendapatkan khidmat kaunseling adalah SULIT.



fakta dan hakikat sebenar

Berdasarkan kepada fakta sains, HIV tidak merebak melalui interaksi dengan pasangan seperti berpelukan atau bersentuhan. TETAPI hakikatnya agama dan masyarakat melarang perbuatan ini kerana ianya boleh menjerumuskan REMAJA ke arah seks di luar perkahwinan.

Fakta sains juga menyatakan bahawa HIV boleh merebak melalui perkongsian jarum suntikan dadah.

Penggunaan dadah dalam bentuk atau cara lain secara langsung tidak boleh merebakkan HIV. TETAPI pada hakikatnya ia merupakan punca remaja hilang pertimbangan dan memungkinkan ketagihan yang lebih serius sehingga melibatkan perkongsian jarum suntikan dan hubungan seks di luar perkahwinan.

Agama turut melarang keras penggunaan apa sahaja bentuk bahan yang boleh memabuk atau mengkhayalkan.



bertindak AIDS dielak remaja be
naklumat bijak bertindak AIDS
bertindak AIDS dielak remaja be
naklumat bijak bertindak AIDS
bertindak AIDS dielak remaja be
naklumat bijak bertindak AIDS
bertindak AIDS dielak remaja be
naklumat bijak bertindak AIDS
bertindak AIDS dielak remaja be
naklumat bijak bertindak AIDS
bertindak AIDS dielak remaja be
naklumat bijak bertindak AIDS

<http://ibsystems.com.my/prostar>



CAWANGAN AIDS
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
ARAS 1, BLOK A, KOMPLEKS PEJABAT-PEJABAT KESIHATAN
JALAN CENDERASARI, 50590 KUALA LUMPUR.

